

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

SOALAN NO. 111

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah bilangan pesakit yang menerima rawatan mengikut penyakit, dan jumlah perbelanjaan yang ditelan, bagi hospital-hospital Kerajaan di kawasan Sabah pada tahun 2018.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan data awalan (*preliminary data*) tahun 2018, jumlah kemasukan pesakit yang dirawat di hospital KKM negeri Sabah adalah seramai 224,830 kemasukan. Lima sebab utama kemasukan pesakit ke hospital KKM di Sabah adalah berkaitan dengan kehamilan dan kelahiran (56,548), penyakit berkaitan sistem pernafasan (30,233), penyakit berjangkit dan penyakit akibat jangkitan parasit (19,192), penyakit yang berasal dari tempoh perinatal (16,505) dan penyakit berkaitan sistem peredaran darah (14,109).

Secara keseluruhannya, sejumlah RM2.493 bilion telah diperuntukan dan dibelanjakan untuk negeri Sabah. Sebanyak RM1.844 bilion (73.97%) daripada amaun tersebut merupakan jumlah perbelanjaan oleh hospital-hospital Kerajaan di Sabah pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.